

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

▸ Serdang

Mercu tanda baharu UPM

Bangunan Canselori PUTRA yang **mendapat jolokan nama 'White House UPM'** menjadi mercu tanda baharu universiti itu.

Bangunan Canselori PUTRA yang berwarna putih dan terletak berhampiran Stadium Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi mercu tanda baharu universiti itu.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata bangunan empat tingkat itu turut menempatkan Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi.

Katanya, lokasi bangunan itu strategik untuk pentadbiran kerana berada dalam zon awam serta bahagian tengah kampus dengan dikelilingi Zon Akademik, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Perubatan dan Fakulti Pertanian.

"Bangunan itu berada dalam zon awam iaitu orang awam mudah keluar masuk menerusi pintu berhampiran Stadium UPM untuk berurusan di Bangunan Canselori PUTRA yang mendapat jolokan nama 'White House UPM'.

Lima tiang seri

"Konsep dan ruang bangunan ini dibina bagi memenuhi keperluan institusi pengajian tinggi termasuk mempunyai auditorium, dewan kuliah



Prof Mohd Fauzi di pejabat baharunya di **Bangunan Canselori PUTRA**.

dan ruang perpustakaan yang besar," katanya.

Sementara itu, arkitek perunding bangunan itu yang kini Felo Perunding Kanan di Universiti Kebangsaan Malaysia, AR Mohd Razali Mahyuddin, berkata bangunan itu dibina berdasarkan konsep moto universiti iaitu Berilmu, Berbakti.

Katanya, lima tiang seri di pintu utama bangunan itu menggambarkan lima Rukun Islam manakala enam pintu gerbang di bahagian kiri dan kanan melambangkan enam Rukun Iman.

"Sebanyak 99 reka bentuk umpama kubu di bahagian atas bangunan itu pula bersempena dengan mengam-

bil jumlah nama Allah

"Saya berasa bangga dan puas dapat meninggalkan sumbangan untuk UPM terutama apabila digunakan sebagai pusat pentadbiran," katanya yang pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina UPM pada tahun 2004 hingga 2009.